

11/05/2002

Umno tolak cadangan sekolah aliran Inggeris (HL)

Kadir Dikoh; Misiah Taib

KUALA LUMPUR, Jumaat - Majlis Tertinggi (MT) Umno hari ini menolak cadangan supaya diwujudkan semula sekolah aliran bahasa Inggeris kerana tindakan itu tidak secocok dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan.

Sebaliknya, bahasa itu akan diperluaskan di sekolah menerusi penggunaannya dalam pengajaran dua subjek utama iaitu sains dan matematik bermula pada peringkat Tahun Satu selain kesusasteraan Inggeris kontemporari turut diperkenalkan.

Perkara itu diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat MT lebih dua jam di ibu pejabat Umno di sini.

Presiden Umno berkata, cadangan itu dibuat kerana menyedari mengenai pentingnya penguasaan ilmu bahasa Inggeris di kalangan rakyat tempatan, khususnya Bumiputera kerana ia adalah bahasa antarabangsa yang digunakan secara meluas.

"Sebab itu kita akan perkenalkan pelajaran bahasa Inggeris secara serius dengan menggunakan kaedah baru pendekatan untuk mengajar bahasa itu. Dalam keadaan bilangan guru kita tidak banyak, kita akan guna pendekatan yang baru... ini sedang dirancang dan juga kurikulum yang baru.

"Kita berpendapat pelajaran sains dan matematik hendaklah dibuat menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Jadi tumpuan kita ialah bukan peralihan balik kepada sekolah bahasa Inggeris, sebaliknya untuk mengajar bahasa Inggeris dengan lebih berkesan.

"Ini bermakna penguasaan bahasa Inggeris akan memberi peluang kepada kita menguasai ilmu lebih baik," katanya.

Sejak kebelakangan ini, laporan akhbar mengenai cadangan beberapa pihak supaya kerajaan mewujudkan semula sekolah aliran Inggeris sebagai pilihan membolehkan rakyat menguasai bahasa itu sebagai bahasa ilmu, mendapat reaksi berbeza.

Kebanyakan yang membantah bimbang kepentingan bahasa Melayu akan berkurangan, manakala yang bersetuju pula berpendapat ia bagi membolehkan rakyat menguasai bahasa Inggeris untuk menghadapi saingan era globalisasi.

Isnin lalu, Dr Mahathir berkata, kerajaan sedia mewujudkan semula sistem sekolah aliran Inggeris jika rakyat mahukannya bertujuan membolehkan rakyat menguasai bahasa Inggeris sebagai bahasa ilmu.

Ditanya bila penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar untuk subjek sains dan matematik akan dimulakan, Perdana Menteri berkata ia akan dimulakan secepat mungkin.

Beliau berkata, MT berpendapat pengajaran subjek bahasa Inggeris akan dipertingkatkan termasuk mempelajari kesusasteraan Inggeris kontemporari, bukan kesusasteraan klasik.

Katanya, ini penting supaya pelajar mempunyai asas yang baik untuk menguasai bahasa itu sehingga mereka boleh berkomunikasi dengan baik.

"Ini kerana sekarang ini kita menghadapi masalah, perlu berunding dengan negara lain berkenaan dengan masalah dagangan, masalah perhubungan antarabangsa yang mana penguasaan bahasa Inggeris amat penting.

"Kadang-kadang kita terpaksa menggunakan teks dalam bahasa Inggeris untuk perjanjian. Kalau kita tidak faham, mungkin kita akan terperangkap dengan perjanjian yang merugikan kita.

"Walaupun kita ingin supaya menggunakan bahasa kebangsaan sebagai teks rasmi, itu tidak akan diterima oleh pihak lain," katanya.

Beliau berkata, dalam perjanjian antarabangsa, biasanya digunakan bahasa

Inggeris dan penguasaan bahasa itu menjadi penting bukan setakat berkomunikasi sedikit, malah berbahasa serta memahami secara mendalam.

Ditanya mengapa keputusan untuk menolak cadangan mewujudkan semula sekolah aliran bahasa Inggeris dibuat tanpa mengambil kira pandangan semua lapisan masyarakat seperti dinyatakan sebelum ini, Dr Mahathir berkata cadangan Umno itu adalah gambaran kehendak rakyat.

"Jika seluruh negara mahukannya... maksud saya Umno adalah parti yang berjuang untuk orang ramai, kita kena ikutlah. Kalau nak pendapat kita, kita bagi. Tetapi kalau orang nak tentang, masih boleh tentang... bukan semua orang sokong Umno."

(END)